

## Struktur Pentadbiran Dakwah Islam di Negara Brunei Darussalam: Kajian dari Tahun 1950-1985

Hajah Radziah Haji Abdullah

Tutor

Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

radziah.abdullah@unissa.edu.bn

Vol.5, Issue 1 | January 2022

### KATA KUNCI

Pentadbiran, Islam,  
Struktur, Dakwah, Negara  
Brunei Darussalam.

### ABSTRAK

Sejak Awang Alak Betatar memeluk Islam, maka ugama ini telah menjadi pegangan dan cara hidup berbagai lapisan masyarakat Brunei khususnya yang menganut ugama ini. Oleh kerana Islam telah menjadi pegangan penting dalam kehidupan bernegara dan berbangsa, maka pentadbiran Islam telah menjadi salah satu daripada sistem pentadbiran negara. Pada tahun 1906, Sultan Hashim Jamalul Alam Aqamaddin telah menandatangani perjanjian tambahan kepada Perjanjian Perlindungan 1888. Dalam perjanjian ini, Negara Brunei Darussalam bersedia menerima seorang Residen British untuk membantu Sultan mentadbir negara. Perjanjian ini terpaksa ditandatangani oleh Sultan bagi menghalang kemerosotan wilayah Brunei pada waktu itu. Sejak dari itu, corak pentadbiran British lebih dominan berbanding dengan pentadbiran Islam. Walau bagaimanapun, apabila Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (1950-1967) menaiki takhta pada tahun 1950, baginda secara perlahan dan berhemah telah mengembalikan semula peranan pentadbiran Islam yang mana sebelumnya corak pentadbiran telah didiminasi oleh pentadbiran British. Artikel ini meneliti perjalanan dan perkembangan pentadbiran Islam dari segi struktur pentadbiran dakwah yang dijalankan dari tahun 1950 sehingga 1985 di Negara Brunei Darussalam. Metode yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif dengan merujuk kepada laporan tahunan, minit mesyuarat, dokumen, buku dan jurnal. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pentadbiran Islam dari aspek dakwah telah mampu ditingkatkan mutu pentadbirannya dari tahun ke tahun seperti penubuhan pelbagai jabatan. Bilangan mereka yang memeluk ugama Islam juga semakin bertambah. Pentadbiran Islam khususnya dalam aspek dakwah di Negara Brunei Darussalam berjalan dengan lebih teratur dan lebih bersistematis setelah ianya diletakkan di bawah Pusat Da'wah Islamiah.

## KEYWORDS

Administration, Islam, Structure, Da'wah, Brunei Darussalam.

## ABSTRACT

Since Awang Alak Betatar embraced Islam, this religion has become the belief and way of life of various sections of Brunei society, especially those who practice this religion. Since Islam has become an important tenet in the life of the nation, then Islamic administration has become one of the system of state administration. In 1906, Sultan Hashim Jamalul Alam Aqamaddin signed an additional treaty to the Protection Treaty of 1888. In this treaty, Brunei Darussalam was willing to accept a British Resident to help the Sultan govern the country. This agreement had to be signed by the Sultan to prevent the decline of Brunei territory at that time. Since then, the pattern of British administration has been more dominant than that of Islamic administration. However, when Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (1950-1967) ascended the throne in 1950, he slowly and prudently restored the role of Islamic administration which had previously been dominated by the British administration. This article examines the course and development of Islamic administration in terms of the administrative structure of da'wah carried out from 1950 to 1985 in Brunei Darussalam. The method used in this study is a qualitative method with reference to annual reports, minutes of meetings, documents, books and journals. The results of this study show that the Islamic administration from the aspect of da'wah has been able to improve the quality of its administration from year to year such as establishing various departments. The number of those who embraced Islam is also increasing. Islamic administration, especially in the aspect of da'wah in Brunei Darussalam, runs more orderly and more systematically when its administration is placed under the Islamic Da'wah Center.

## Pendahuluan

Pentadbiran merupakan aspek penting yang diperlukan dalam sesebuah negara bagi melicinkan perlaksanaan pelbagai rancangan kerajaan. Biasanya pentadbiran tertinggi sesebuah negara dikuasai oleh seorang pemimpin atau sultan sepertimana berlaku kepada Brunei. Di bawah kepimpinan baginda terdapat berbagai cawangan pentadbiran yang melibatkan pembangunan sosial, ekonomi dan termasuklah pentadbiran perkembangan Islam. Semua cawangan pentadbiran mempunyai peranan masing-masing dan saling memerlukan dan bantu-membantu bagi melancarkan dan melaksanakan pembangunan negara.

## Metodologi Kajian

Metode yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif dengan merujuk kepada laporan tahunan, dokumen, buku dan jurnal. Kajian ini menggunakan dua sumber iaitu primer dan sekunder. Sumber primer yang dimaksudkan ialah bahan-bahan daripada Brunei *Statistical Yearbook* dan laporan-laporan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sumber sekunder pula ialah maklumat sedia ada, yang telah diterbitkan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Bahan-bahan sekunder mencakupi buku-buku,

artikel-artikel, majalah-majalah, latihan ilmiah, jurnal, kertas-kertas seminar, akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh kerajaan seperti Pelita Brunei dan melayari laman-laman jaringan yang berkaitan dengan bidang kajian. Semua bahan-bahan kajian boleh diperolehi dari Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Perpustakaan Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Pusat Sejarah dan Pusat Pengkajian Borneo.

## Definisi Pentadbiran

Ibnu Khaldun menganggap pentadbiran sebagai satu kegiatan kemasyarakatan bagi menguruskan usaha-usaha kemanusian, berkumpulan serta bermatlamat. Beliau berpendapat bahawa pentadbiran adalah satu konsep asas dalam bermasyarakat yang berpaksikan kepada peranan manusia sebagai pemimpin masyarakat ataupun organisasi. Ibnu Khaldun menganggap bahawa pentadbiran Islam meletakkan agama di tempat yang paling tinggi dan mentadbir dunia dengannya.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Ibnu Khaldun. (1995), *Muqadimmah* (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa. Hlm: 23. Sohair Abdel Moneim Sery. (1990). Konsep Pengurusan Pentadbiran Menurut Ajaran Islam: Satu Kajian Perbandingan, dengan

Pentadbiran menurut Muhammad A. Al-Buraey dan E.N Gladden diambil dari bahasa Latin “*administrate*” bermaksud pengurus, menjaga dan mengawasi manusia, mengurus hal-hal dan permasalahan.<sup>2</sup> Manakala, menurut Muhammad Abdul Rauf pula pentadbiran ialah proses mengurus tenaga manusia dengan melihat kepada perancangan yang telah ditentukan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.<sup>3</sup>

Merujuk perkataan Bahasa Arab pula “pentadbiran” berasal dari kata dasar ‘*Dabbara, Yudabbir*’. ‘*Dabbara*’ bermaksud memikir implikasi sesuatu. Perkataan ‘*Yudabbir*’ banyak disebut di dalam Al-Quran, antaranya di dalam Surah Yunus, Allah *Subhanahu Wa Taala* berfirman mafhumnya:

“Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menjadikan langit dan bumi dalam enam masa kemudian Dia bersemayam di atas Arasy mentadbirkannya segala urusan”.

Manakala dalam surah Ar-Ra`ad ayat 2, Allah *Subhanahu Wa Taala* berfirman mafhumnya:

“Allah jualah yang menjadikan langit terangkat tinggi dengan tiada bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya, kemudian Dia bersemayam di atas Arasy dan Dia memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya); tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Allah jualah yang mentadbirkannya segala urusan; Dia menerangkan tanda-tanda kekuasaanNya satu-persatu, supaya kamu yakin kepada pertemuan Tuhan kamu (untuk menerima balasan)”

Daripada mahfum ayat-ayat al-Quran tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa “Pentadbir” berperanan sebagai ketua dan pemimpin, berperanan dalam melaksanakan peraturan, mempunyai kuasa dalam membuat sebarang keputusan, juga bertanggungjawab di atas segala tindak-tanduk yang dibuatnya. Perihal mentadbir ialah membina suatu yang baharu, melaksana, memantau dan meneliti semula.

Ahmad Ibrahim Abu Sin pula berpendapat bahawa definisi pentadbiran Islam tidaklah jauh berbeza daripada definisi yang diketahui ramai. Pentadbiran Islam membawa makna keupayaan memaksimumkan bagi seseorang atau organisasi dalam penggunaan sumber kebendaan dan kemanusiaan yang dilimpahkan Allah dalam penghasilan produk atau perkhidmatan, dan pada masa yang sama tetap patuh kepada prinsip atau peraturan di dalam Islam.<sup>4</sup>

Shafie dan Mohd Affandi Hassan mendefinisikan pentadbiran Islam dengan mengaitkannya kepada beberapa konsep utama. Beliau berpendapat:

“Pentadbiran dalam Islam ialah penyempurnaan amanah yang diterima manusia daripada Allah Subhanahu Wata'ala sebagai hamba dan khalifah-Nya dibumi dengan mengerjakan amal soleh secara syura (perundingan dan kerjasama) dalam organisasi. Tujuan pengurusan dan pentadbiran untuk membina peradaban (mewujudkan adab) yang direhdai Allah berlandaskan ajaran Tauhid. Dengan itu, pengurusan dan pentadbiran bertanggungjawab menghapuskan Al-fasad (rasuah, penyelewengan, kerosakan, kezaliman, penindasan) untuk menegakkan keadilan dalam organisasi dan juga dalam masyarakat. Matlamatnya adalah mencapai Al-falah (kesejahteraan dan keuntungan serta kemenangan di dunia dan di akhirat).<sup>5</sup>

Dalam konsep pentadbiran Islam, seseorang manusia merupakan Khalifah Allah dibumiNya. Justeru, apabila pentadbiran secara Islam ditunaikan, ianya sekaligus bermaksud Pentadbir Khazanah Allah. Paksi kepada pentadbiran Islam merupakan personaliti seorang hamba Allah dengan gelaran ‘khalifah’, yang sedaya upaya mentadbir aktiviti kehidupannya dan juga ummah dalam ruang lingkup Islam yang syumul. Seorang pemimpin mencakupi kepentingan dan keperluan umat sangat, dan ianya bukan hanya setakat memenuhi tuntutan keperluan peribadi, keluarga dan bangsa. Dengan yang demikian pentadbiran merupakan sesuatu yang merujuk kepada hal mentadbir, mengurus,

Penekanan Ke Atas Konsepsi Kepimpinan Dalam Islam. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. Hlm: 13.

2 Al-Buraey Muhammad. (2001). Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm: 228.

3 Mustafa Haji Daud. (1994). Pengurusan Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions Sdn. Bhd. Hlm:1.

4 Ahmad Ibrahim Abu Sin. (1991). Pengurusan Dalam Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm: 16. Abd Mumin Abd Ghani. (2006). Dimensi Pengurusan Islam: Mengurus Kerja dan Mengurus Mohdal Insan, Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya. Hlm: 6.

5 Shafie bin Haji Mohd Salleh dan Mohd Affandi Hassan. (1994). Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar dan Amalan Dalam Islam. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara. Hlm: 51.

mengatur, mengawal perkembangan dan menyelaras sesuatu organisasi atau negara, untuk mencapai sesuatu tujuan atau matlamat yang dikehendaki, terutama dalam memenuhi keperluan masyarakat dan negara.

### Definisi Dakwah

Perkataan dakwah berasal daripada perkataan Arab yang bererti panggilan, jemputan ataupun undangan.<sup>6</sup> Pengertian yang sama juga disebutkan di dalam "Mukhtar al-Sihah"<sup>7</sup> dan *al-Ra'id*.<sup>8</sup>

Dari segi istilah pula, beberapa definisi telah dikemukakan oleh para ulama, antaranya menurut Zaidan, dakwah itu merupakan "panggilan ke jalan Allah, iaitu ugama Islam, ugama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad".<sup>9</sup> Menurut al-Ansari, dakwah ialah "usaha berbentuk perbuatan atau percakapan untuk menarik manusia kepada kebaikan dan petunjuk".<sup>10</sup> Berdasarkan definisi-definisi tersebut, dakwah ialah "kegiatan menyebarkan ugama Islam dan ajaran-ajarannya kepada seluruh manusia".

### Sejarah Ringkas Gerakan Dakwah di Brunei Darussalam

Meneliti tentang gerakan dakwah di Brunei Darussalam, ia telah wujud apabila Awang Alak Betatar memeluk ugama Islam. Ugama Islam terus berkembang di zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali. Baginda telah mempertingkatkan gerakan dakwah kepada orang Islam dan juga kepada bukan berugama Islam. Berdasarkan asas yang kukuh yang diletakkan oleh Sultan Sharif Ali (1425-1432), Islam terus berkembang pada zaman-zaman seterusnya. Walaupun Islam berjaya disebarluaskan ke negeri-negeri dan kawasan-kawasan yang ditakluki, tetapi penyebarannya di dalam negeri tidak begitu diambil berat sehingga masih terdapat sebilangan besar penduduk tempatan yang belum memeluk Islam.<sup>11</sup> Keadaan ini disebabkan masyarakat Islam termasuklah pihak pemerintah yang tidak

mempunyai kesedaran terhadap pentingnya gerakan dakwah kepada golongan belum berugama Islam dalam negeri dan pentingnya keseragamaan ugama bagi perpaduan masyarakat dan perpaduan negara. Di samping itu besar kemungkinan perhatian dan usaha lebih banyak ditumpukan kepada pengukuhan masyarakat Islam, serta melengkapkan keperluan negara dalam pelbagai aspek, seperti yang dilakukan oleh Sultan Muhammad Hassan, apabila baginda menguatkuasakan undang-undang bertulis yang telah wujud sebelum itu di Brunei yang dipanggil "Hukum Kanun".<sup>12</sup>

Kemerosotan Brunei dari sebuah empayar yang besar kepada sebuah negara kecil mulai awal abad ke-19 juga merupakan antara faktor yang menyebabkan dakwah secara keseluruhan sama ada dalaman dan luaran tidak begitu diambil kira. Pertelaghanan dalam kalangan golongan pemerintah yang menjadi salah satu punca kemerosotan telah memberi kesan negatif kepada keseluruhan pembangunan negara, termasuklah pembangunan keugamaan dan dakwah. Sebagai contoh pertelaghanan di antara Pengiran Muda Hashim dengan Pengiran Shahbandar Md. Salleh, yang telah mengakibatkan Sarawak terlepas ke tangan James Brooke pada 1842 Masihi.<sup>13</sup>

### Pentadbiran Dakwah 1950 sehingga 1985

Tidak banyak kegiatan pentadbiran dakwah dicatatkan sebelum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien (1950-1967) menaiki takhta pada tahun 6 Jun 1950.<sup>14</sup> Baginda menyedari kepentingan dakwah ke atas individu muslim dan orang bukan Islam dan kepentingannya kepada kesejahteraan ummah dan pengukuhan negara. Oleh itu, baginda telah mengambil langkah supaya bahagian dakwah dimasukkan ke dalam pentadbiran Islam.

Sebelum tahun 1958 pentadbiran dakwah di Brunei berjalan secara senyap dan bersendirian kerana tiada sebarang pentadbiran Islam yang mengerakkan hal ini, akan tetapi dengan tertubuhnya beberapa majlis, jabatan, badan atau bahagian yang diamanahkan untuk mengendalikan perihal

6 Al-Bustaniy Karam, Al-Munjid. (1973). Beirut: Dar al-Masyriq. Hlm: 216.

7 Al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr bin Abd al-Qadir. (1982). Mukhtar al-Sihah, Beirut: Dar al-Fikr. Hlm: 205.

8 Mas'ud Jubran, Al-Ra'id. (1986). (Jilid 1) Beirut: Dar al-Ilmu li-Malayin. Hlm: 670.

9 Zaidan, Abd al-Karim. (1976). Usul al-Da'wah, Baghdad: Dar al-Bayan. Hlm: 5.

10 Al-Ansari. (1984). Ma'alim al-Da'wah. Kaherah: Dar al-Tiba'ah al-Muhammadiah. Hlm: 4.

11 Mohd. Amin bin Haji Abdul Rahim. (2012). Perkembangan Dakwah di Negara Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm: 31.

12 Hughes-Hallet, H.R.(1981). A Sketch of the History of Brunei. Brunei Muzeum Journal, Vol.5(1). Hlm: 8.

13 Mohd Jamil Al-Sufri. (1983). Riwayat Hidup Pengarang Syair Rakis, Pengiran Shahbandar Md. Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda, Syair Rakis: 3-13. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 1983. Hlm:49.

14 Mohd. Amin bin Haji Abdul Rahim. Perkembangan Dakwah di Negara Brunei Darussalam. Hlm: 32.

pentadbiran dakwah, maka pentadbiran Islam dari segi dakwah mulai diberikan perhatian.

Berikut dijelaskan majlis, jabatan, badan, bahagian dan unit yang pernah ditubuhkan untuk menjalankan usaha dan tugas-tugas dalam menyebarkan pengetahuan ugama dalam kalangan rakyat Brunei sesuai dengan fungsinya sebagai badan pentadbiran, penerangan, perkembangan dan penyebaran dakwah Islamiah.

#### **Majlis Mesyuarat Syari'ah (1950) dan Jabatan Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Masyarakat (1954)**

Pada tahun 1950 sebuah badan yang berfungsi dalam pentadbiran dan juga menyebarkan ajaran ugama Islam di Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan oleh Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien. Badan tersebut dikenali dengan Majlis Mesyuarat Syari'ah yang telah dipengerusikan sendiri oleh baginda. Ternyata pada masa ini, sudah ada pentadbiran Islam dalam bahagian dakwah tetapi dalam bentuk unit yang masih kecil.

Pentadbiran Islam di Brunei semakin diperkuuhkan di zaman pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien. Baginda telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Ugama pada 1 Julai 1954. Dengan penubuhan jabatan ini diharapkan mampu untuk memperkuatkan lagi kedudukan Islam di negara ini di samping dapat memberikan kesedaran kehidupan berugama dalam kalangan masyarakat. Jabatan Hal Ehwal Ugama merupakan salah sebuah institusi ugama yang ditubuhkan bagi mengendalikan urusan hal ehwal ugama selaras dengan kehendak dan keperluan ugama, negara dan rakyat.

Justeru itu, bertitik tolak daripada penubuhan Majlis Mesyuarat Syari'ah ini, Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien telah menubuhkan Jabatan Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Masyarakat di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama. Sebahagian peranan jabatan ini ialah sebagai satu pusat pentadbiran Islam dalam dakwah Islamiah yang bertujuan untuk memberi kefahaman Islam yang benar kepada masyarakat agar Islam itu kembali dihayati dalam ruang lingkup kehidupan. Jabatan Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Masyarakat berperanan menjadi institusi

pentadbiran dan penyebaran Islam pada waktu tersebut.<sup>15</sup>

#### **Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Masyarakat (1958)**

Pada 10 Januari 1958, Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien telah meletakkan pentadbiran Islam dari aspek dakwah di bawah Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Masyarakat di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama. Badan penerangan Ugama Islam mempunyai anggotanya seramai 19 orang termasuk seorang pengurus dan timbalan pengurus pada awal penubuhannya. Pada mulanya anggota badan ini berjawatan sementara sahaja tetapi untuk memperluas dan mempertingkatkan lagi amal usaha di bidang pentadbiran dakwah Islamiah, pada tahun 1964, badan ini dijadikan satu bahagian tetap dalam Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan namanya bertukar menjadi Bahagian Penerangan dan Tabligh.<sup>16</sup>

#### **Bahagian Penerangan dan Tabligh (1968)**

Bahagian Penerangan dan Tabligh bertanggungjawab untuk menjalankan pentadbiran dakwah Islamiah dan melakukan gerakan dakwah.<sup>17</sup> Pengerusinya yang pertama ialah Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Haji Mohd Salleh, Kadi Besar Brunei. Setiausaha ialah seorang guru ugama.<sup>18</sup> Pada tahun 1968, Bahagian Penerangan dan Tabligh membuka cabang-cabangnya di Daerah Temburong, Daerah Belait dan Daerah Tutong. Struktur pentadbiran ini kekal hingga tahun 1980. Dengan terdapatnya cabang bahagian ini di seluruh negara memungkinkan kunjungan dakwah ke kawasan-kawasan pedalaman dapat dijalankan secara berterusan dan lebih kerap dari sebelumnya.<sup>19</sup> Oleh itu, pada ketika ini dakwah lebih ditumpukan kepada masyarakat bukan Islam.

15 Jabatan Hal Ehwal Ugama 1954-1979. (1981). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama. Hlm:1- 2.

16 Haji Abdul Aziz bin Juned. (1968). Buku Kenangan Berpuspa. Bandar Seri Begawan: Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Hlm: 36.

17 Ummi Fa'izah Hj Abdul Rahman. (2019). "Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam - Sorotan Sejarah". Journal of Islamic: Social, Economics and Development (JISED), Volume: 4 Issues: 19. Hlm:119-138.

18 Jabatan Hal Ehwal Ugama 1954-1979, hlm: 25.

19 Asiyah Azzahra Ahmad Kumpoh. (2011). "Islamic Da'wah in Brunei: Past Developments, Challenge and Future Prospects". Jurnal Darussalam (No. 11), Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan. Hlm:38-60.


### Unit Khas Gerakan Dakwah 1979

Atas kesedaran bahawa ugama rasmi Negara Brunei adalah ugama Islam seperti yang dimaktubkan dalam Perlembagaan Brunei 1959, dan majoriti penduduknya juga berugama Islam, maka usaha telah dibuat untuk menarik lebih ramai penduduk asli Brunei iaitu Murut, Dusun, dan Iban yang kebanyakannya tinggal di daerah pedalaman Temburong kepada ugama Islam. Untuk itu, satu unit pentadbiran Islam dalam aktiviti dakwah yang dipanggil "Unit Gerakan Dakwah" telah diwujudkan pada 1 Januari 1979 di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei yang diletakkan di bawah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, tetapi pejabatnya ditempatkan di Temburong sementara peruntukannya diambil dari Bahagian Dakwah dan Tabligh.<sup>20</sup>

Unit Khas Gerakan Dakwah ini mempunyai sepuluh orang pegawai iaitu seorang ketua, seorang setiausaha, 3 orang pegawai dakwah dan lima orang pembantu bergaji hari (mereka adalah mualaf dari suku kaum Iban), seperti rajah 01 berikut:-

Rajah 01

Sumber Islam di Brunei Darussalam Zaman British  
(1774-1984)



Penduduk asli ini dapat digolongkan ke dalam tiga golongan iaitu yang belum menganut apa-apa kepercayaan, yang menganut kepercayaan animism, dan yang menganut ugama Kristian.

Dalam usaha menyampaikan dakwah Islam kepada golongan ini, masalah yang dihadapi nampaknya

20 Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman. (2011). Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984). Hlm: 237.

bukan sahaja dari "dalam", tetapi juga dari "luar". Apa yang dimaksudkan dengan dari luar di sini ialah adanya pengembang-pengembang ugama Kristian yang datang dari Limbang, Lawas dan Pandaruan (kawasan-kawasan Sarawak yang bersempadan dengan Daerah Temburong). Mereka bukan masuk secara rasmi atau sah ke Brunei, tetapi secara menyeludup. Mereka menyeludup ke rumah-rumah panjang di hari-hari biasa atau di hari "Gawai"; hari pesta bagi orang-orang Iban yang diadakan setahun sekali di mana perayaannya diadakan selepas musim menuai dalam bulan Jun. Kesan-kesan dari kemasukan mereka secara haram itu dengan membawa ugama Kristian, telah mempengaruhi sebahagian penduduk asli yang tinggal di rumah panjang.<sup>21</sup>

Di Brunei, tidak ada ugama yang dibenarkan untuk berkembang dan disebarluaskan kecuali ugama Islam sahaja. Untuk mengamalkan apa-apa juga kepercayaan oleh penganut-penganutnya tidaklah menjadi satu kesalahan di sisi undang-undang negara. Apa yang menjadi kesalahan ialah mengembangkan atau menyebarkan kepercayaan tersebut. Namun begitu, dengan pendekatan pentadbiran dakwah Islamiah di zaman pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dalam tahun 70-an dan 80-an yang kreatif, fleksibiliti dan dinamik, di mana strategi diatur dan perancangan disusun dengan baik, berdasarkan kemampuan dan intelek di bahagian itu, keadaan tidaklah sampai ke tahap yang membimbangkan dari segi sosiopolitiknya dan kawalan ketat tetap diadakan.

Penubuhan Unit Gerakan Dakwah di Daerah Temburong dalam tahun 1979 adalah bagi mengimbangi atau menentang gerakan "Kristianisasi" di pedalaman Daerah Temburong, yang jika tidak dihalang, mungkin boleh merebak dengan luasnya sesuatu yang bertentangan dengan prinsip Negari Brunei yang mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Dengan tertubuhnya Unit Gerakan Khas Dakwah ini, walaupun masalah "Kristianisasi" tidak dapat dihapuskan dengan sepenuhnya, tapi sekurang-kurangnya dapat dibendung dan diawasi kegiatan pengjur-pengajurnya.<sup>22</sup>

21 Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman. (2011). Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984). Hlm: 238

22 Penyata Tahunan 1980 Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (Ogos 1981). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama. Hlm: 8.

### Bahagian Dakwah dan Tabligh (1981)

Pertukaran nama sekali lagi dibuat pada tahun 1981, dikenali sebagai Bahagian Dakwah dan Tabligh. Perubahan ini menunjukkan proses menaik taraf yang menuntut peningkatan yang seimbang dalam fungsi dan peranan dalam memajukan pentadbiran dakwah Islamiah di Brunei Darussalam. Bahagian Dakwah dan Tabligh sepanjang sejarahnya mulai 1981 hingga 1985 telah menjalankan kegiatan dakwah dengan pelbagai pendekatan yang menunjukkan hasil yang positif dalam menghayati Islam sebagai cara hidup dalam kalangan masyarakat. Di antara aktiviti yang dijalankan oleh bahagian ini adalah seperti mengadakan lawatan dakwah, membantu pegawai-pegawai penyelaras kelas-kelas bimbingan mualaf, menerbitkan majalah dan buku-buku ugama, mengeluarkan berita sekitar peristiwa-peristiwa bercorak ugama dan gambar-gambar, mengadakan sambutan-sambutan bercorak keugamaan khasnya Israk Mikraj, Nuzul al-Qur'an, Awal Muharam, Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* dan lain-lain, menyediakan rancangan untuk siaran radio dan televisyen Brunei dan menolong pada merayakan majlis untuk meraikan saudara baharu di kampung-kampung.<sup>23</sup>

Pada tahun 1981, Bahagian Dakwah dan Tabligh telah memberi penekanan kepada kaum belia - sementara dakwah di pedalaman masih juga diteruskan- dengan mengelolakan majlis-majlis yang dipanggil "Kuliah Ugama bagi Belia-Belia" bagi persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan belia dan kebajikan dan kampung-kampung yang diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat. Tujuan program ini ialah bagi mendekatkan para belia yang mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir luar yang tidak diingini kembali semula kepada ajaran ugama.<sup>24</sup> Jelas di sini akan kepekaan dan perancangan jangka pendek dan panjang adalah penting dalam meningkatkan "Islamisasi" dan penyebaran ajaran Islam di Brunei. Inilah antara kegiatan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei dalam menguatkan lagi pentadbiran Islam dari segi dakwah di Negara Brunei Darussalam.

### Kategori Dakwah

Bentuk pentadbiran dakwah dapat dikategorikan kepada tiga dakwah yang dilaksanakan iaitu dakwah secara lisan, dakwah secara tulisan dan dakwah secara sambutan hari kebesaran Islam. Berikut diterangkan bentuk pentadbiran dakwah secara lisan, dakwah secara tulisan dan dakwah sambutan hari kebesaran Islam secara lebih terperinci.

#### Dakwah Secara Lisan

Pentadbiran dakwah Islam digerakkan aktivitinya melalui dakwah secara lisan, cara ini ialah dengan memberikan syarahan ugama di tiap-tiap kampung dan pekan di seluruh daerah di Negara Brunei, bagi menerangkan kepada umat Islam khasnya dan rakyat yang bukan berugama Islam amnya mengenai hukum-hukum syarak, sejarah Islam, adab dan akhlak yang dikehendaki oleh ugama Islam, Sirah Rasulullah, suruhan dan tegahan, fardhu ain dan fardhu kifayah, dan lain-lain.<sup>25</sup>

Gerakan dakwah ini bukan sahaja diarahkan ke "dalam" iaitu kepada sesama masyarakat Islam sendiri yang kebanyakannya tinggal di bandar-bandar, pekan dan kampung untuk memberi kefahaman yang mendalam kepada mereka mengenai ugama yang mereka hayati, manakala yang ditujukan ke "luar" iaitu masyarakat Brunei yang bukan berugama Islam yang kebanyakannya mereka itu tinggal di luar bandar dan pedalaman. Mereka diberi penerangan yang lebih jelas mengenai Islam seterusnya mengajak dan menyeru mereka itu menganut ugama suci yang menjadi ugama rasmi Negara Brunei Darussalam ini.

Dalam usaha mengembangkan dan menyebarkan Islam di Brunei melalui dakwah, bahagian Dakwah dan Tabligh telah mendapat pertolongan dan kerjasama dari semua pihak. Seperti daripada pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, Pejabat Daerah, Pejabat Penerangan Setiausaha Kerajaan dan lain-lain jabatan kerajaan di seluruh negeri. Gerakan dakwah yang dilancarkan di seluruh Negeri Brunei dalam tahun 70-an dan 80-an ini memberikan tumpuan khas ke kawasan-kawasan yang jauh di pedalaman seperti Kampong Sukang, Kampong Supon Kecil, Kampong Binutan, Kampong Batang Duri dan Kampong Selapun. Kawasan-kawasan tersebut setengahnya dapat didatangi dengan jalan darat dan sungai, jika tidak, jalan udara yang akan

23 Ummi Fa'izah Hj Abdul Rahman. (2019). "Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam - Sorotan Sejarah". Journal of Islamic: Social, Economics and Development (JISED), Volume: 4 Issues: 19. Hlm:119-138.

24 Penyata Tahunan 1981 Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (Ogos 1982). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama. Hlm: 7.

25 Abdul Salam bin Abdul Razak, Abdul Jalil Haji Noor dan Abdul Latif bin Haji Hashim. "Penerangan Ugama Islam kepada Orang Ramai". (1965). Majalah Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Bil 15. Hlm:16.

digunakan.<sup>26</sup> Kerjasama itu berbentuk penyediaan pengangkutan seperti peminjaman kenderaan darat (Land Rover), kenderaan Laut atau sungai (motorbot) untuk sampai ke tempat-tempat yang boleh didatangi dengan kenderaan tersebut, atau jika difikirkan tempat yang hendak dikunjungi itu terlalu jauh di pedalaman, akan diminta kerjasama pasukan Askar Melayu Diraja Brunei bagi menggunakan khidmat helikopter.<sup>27</sup>

Metode gerakan pentadbiran dakwah yang disampaikan secara lisan adalah yang paling berkesan dan berpengaruh baik ia ditujukan ke "dalam" atau ke "luar", tanpa mengira sama ada sasaran buta huruf atau sebaliknya; asalkan penyampaiannya dalam bahasa yang mudah difahami dan mengikut tahap daya intelek mereka. Cara penyampaian di kampung-kampung berlainan dengan cara penyampaian cara di bandar-bandar, isi yang akan disampaikan kepada golongan terpelajar harus berlainan dari golongan usahawan, begitulah juga masyarakat Islam lain dari masyarakat bukan Islam. Kesemuanya itu bergantung kepada kebijaksanaan para pendakwah sendiri.

Selain itu dengan adanya radio dan televisyen, pelbagai rancangan ugama telah diadakan seperti tokoh Islam, mengenal Islam, syarahan ugama, tafsir al-Qur'an, majalah ugama (pendidikan) dan suntingan khutbah Jumaat. Rancangan tersebut dibahagikan kepada tiga kategori yang dinamakan "rancangan harian", "rancangan mingguan" dan "rancangan bermusim".<sup>28</sup>

Menurut statistik yang dikumpulkan selama empat tahun iaitu bermula pada tahun 1962 hingga 1965, menunjukkan bahawa usaha dakwah secara lisan ini mendapat sambutan baik dari orang ramai. Dalam empat tahun itu, sebanyak 301 syarahan telah disampaikan di sebanyak 255 buah tempat, sementara jumlah yang hadir ialah seramai 26,961 orang. Jumlah yang meningkat dari tahun ke setahun membuktikan sambutan masyarakat begitu menggalakkan. Sasaran dakwah terdiri dari golongan yang berugama Islam dan juga yang belum berugama Islam. Sebagai usaha untuk menjalin hubungan mesra dengan golongan yang belum berugama Islam,

para pendakwah kadang-kadang tinggal bermalam di rumah-rumah panjang untuk sekurang-kurangnya satu atau dua malam. Usaha dakwah ini menunjukkan hasilnya apabila pada tahun 1972 hingga 1975 bilangan orang yang masuk Islam bertambah setiap tahun dari angka 113 hingga 248. Ini menunjukkan ugama Islam mula difahami dan diterima oleh penduduk bukan Islam. Dalam soal pemeliharaan saudara baru pula, Jabatan Hal Ehwal Ugama tidak mengabaikan tanggungjawabnya dalam memberikan bimbingan yang secukupnya bagi membolehkan mereka menghayati ajaran Islam itu dengan baik.<sup>29</sup>

### Dakwah Secara Tulisan

Gerakan dakwah juga dilakukan dengan cara menerbitkan sebuah majalah ugama secara bulanan yang dinamakan "Majalah Jabatan Hal Ehwal Ugama" pada tahun 1962.<sup>30</sup> Mulai bilangan 44, majalah tersebut diubah namanya kepada "Al-Huda",<sup>31</sup> diikuti dengan penerbitan sebuah risalah secara stensilan yang dinamakan "Sinaran Suci", terbit setiap dua kali sebulan, bermula dengan keluaran pertamanya pada 01 Februari 1969.<sup>32</sup> Kedua-dua majalah dan risalah ini mendokong cita-cita menyebarkan kesedaran berugama dalam kalangan rakyat.<sup>33</sup>

### Takwim Islam terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama

Bahagian Pentadbiran Dakwah dan Tabligh turut mengusahakan penerbitan Takwim Islam. Penerbitan ini dilakukan pada setiap tahun mulai tahun 1965 Masihi bersamaan dengan tahun 1384 dan 1385 Hijrah yang disusun oleh Sahibus-Samahah Awang Haji Ismail bin Haji Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei.

Takwim terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama ini dibuat menurut hisab berpandukan daripada kitab-kitab yang muktabar. Takwim seperti ini amatlah

29 Ummi Fa'izah Hj Abdul Rahman. (2019). "Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam - Sorotan Sejarah". Journal of Islamic: Social, Economics and Development (JISED), Volume: 4 Issues: 19. Hlm:119-138.

30 Abdul Salam bin Abdul Razak, Abdul Jalil Haji Noor dan Abdul Latif bin Haji Hashim. "Penerangan Ugama Islam kepada Orang Ramai". (1965). Majalah Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Bil 15. Hlm:18.

31 Penyata Tahunan 1979 Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (Julai 1980). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama. Hlm: 9.

32 Sinaran Suci. (01 Februari 1969M/13 Zulkaedah 1334H.) Brunei: Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama.

33 Penyata Tahunan 1979 Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (Julai 1980). Hlm: 9.

26 Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman. (2011). Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm: 225.

27 Ibid.

28 Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman. (2011). Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm: 232.

mustahak kepada kadi, jurunikhah dan pihak-pihak yang tertentu di negara ini untuk mendaftarkan masa berlakunya nikah kahwin, talak, rujuk dan sebagainya. Dengannya dapatlah menyatukan haribulan Islam di seluruh negeri Brunei.<sup>34</sup> Ia juga penting bagi membiasakan rakyat Brunei menggunakan takwim Islam dalam kehidupan harian mereka. Selama ini rakyat Brunei hanya berpandukan kepada takwim Masihi.

### Dakwah melalui Perayaan Hari Kebesaran Islam

Pentadbiran Islam melalui dakwah Islam juga digerakkan aktivitinya melalui meraikan hari-hari kebesaran Islam.

Dalam sejarah perkembangan Islam di Brunei, mulai akhir tahun 1964, pelbagai hari kebesaran Islam telah diadakan. Ini juga merupakan salah satu metode dakwah yang menarik muda-mudi dan orang ramai untuk menghadirinya. Hari bersejarah dalam Islam seperti memperingati peristiwa Isra' Mi'raj junjungan kita, Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* pada 27 Rejab, memperingati hari Nuzul al-Quran pada 17 Ramadhan, memperingati hari lahir junjungan kita, Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* pada 12 rabiulawal dan lain-lain hari kebesaran Islam mulai diraikan.

Antara acara-acara yang mengisikan hari kebesaran Islam tersebut ialah berzanji, marhaban, nasyid, deklamasi puisi, ucapan para pemimpin negara dan yang penting sekali pada kemuncak sambutan itu ialah syarahan ugama daripada alim ulama tempatan. Kandungan syarahan ceramah yang menarik dapat menarik perhatian orang ramai yang hadir dan sedikit sebanyak memberikan kesedaran dan keinsafan di hati mereka. Bacaan al-Qur'an dan Doa Selamat akan menjadi pembuka dan penutup di upacara sambutan tersebut.<sup>35</sup>

Kegiatan-kegiatan dan projek pentadbiran dakwah telah berkembang dengan pesat dan seterusnya lebih terurus dan tersusun lagi dengan tertubuhnya Pusat Da'wah Islamiah (PDI) pada 16 September 1985, yang mana jabatan ini bertanggungjawab

sepenuhnya terhadap urusan Dakwah dan Tabligh di daerah Temburong.<sup>36</sup>

### Pusat Da'wah Islamiah (PDI) 1985

Dalam usaha melancarkan dan mempergiatkan pentadbiran dakwah di Brunei, pada tahun 1985 telah ditubuhkan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang bertanggungjawab memberi tumpuan kepada realiti dalam mengaplikasikan kaedah pentadbiran dakwah di negara ini yang dilaksanakan secara tersusun dan terancang dengan mengambil kira keadaan, suasana dan persekitaran serta kemajuan alat komunikasi masa kini, di samping memberikan kefahaman Islam yang sebenarnya kepada masyarakat. Di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddien Waddaulah (1967- sekarang), pentadbiran Islam dari segi dakwah akan terus jadi keutamaan, agar akidah umat Islam di negara ini terus kukuh dan terpelihara.

Pusat Da'wah Islamiah juga mempunyai matlamat lain seperti menyebarkan, memberi maklumat dan membekal kefahaman ugama Islam melalui penyelidikan, penerbitan, ceramah, kursus dan bimbingan kepada muslim dan bukan muslim di Negara Brunei Darussalam berkonsepkan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah bermazhabkan Al-Syafi'ie. Pusat Da'wah Islamiah bertanggungjawab dalam mewujudkan masyarakat Islam yang bersatu pendapat dalam hukum-hukum ugama dan menggelakkan daripada kekeliruan dan keraguan dalam hal-hal yang berkaitan dengan ugama. Pusat Da'wah Islamiah juga memeduli kebajikan sama ada berbentuk fizikal, moral dan spiritual saudara-saudara baru bagi menjamin kehidupan mereka yang lebih baik dan sempurna dalam ugama Islam.

Pusat Da'wah Islamiah selaku pusat pentadbiran Islam dari segi dakwah mula menjalankan operasinya pada 18 Rabiulakhir 1405H bersamaan dengan 01 Januari 1985M dan perasmianya telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Muharram 1406H bersamaan dengan 16 September

34 Kemaluddin. (1384H/1965M). Kata Aluan dalam Takwim Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama. Hlm: 4.

35 Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman. (2011). Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984). Hlm: 236.

36 Pelita Brunei. "Komited Kembangkan Syiar Islam" (penulis: Hezlinawati Haji Abdul Karim) 27 Mei 2015).

1985M.<sup>37</sup> Baginda semasa membuka rasmi Pusat Da'wah Islamiah bertitah di antara lain iaitu:

"... Dengan adanya Pusat Da'wah Islamiah ini kita yakin usaha-usaha kita untuk menjadikan Islam sebagai Ugama Yang Utama di Negara Brunei Darussalam akan berjalan dengan lebih licin dan sempurna. Maka untuk mencapai tujuan-tujuan ini sangatlah kena pada tempatnya bagi Pusat Da'wah Islamiah ini menjadi sebuah institusi perkembangan dakwah Islam di Negara ini dan mempertinggi pengetahuan rakyat berhubung dengan ajaran-ajaran Islam..."<sup>38</sup>


Dalam melaksanakan titah tersebut, Pusat Da'wah Islamiah selaku pusat pentadbiran Islam Brunei dari segi dakwah telah berusaha menyebarkan ajaran Islam kepada golongan bukan muslim agar mereka memahami dan mengenali Islam sebagai ugama yang memberikan kesejahteraan dan kebahagiaan kepada manusia, dan membuka ruang minda mereka untuk memahami dan menghayati serta mendukung kerasmian ugama Islam dalam perlumbagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja.

#### **Struktur Organisasi Pusat Da'wah Islamiah sebagai Pusat Pentadbiran Islam dari segi Dakwah di Negara Brunei Darussalam**

Berikut ialah rajah struktur organisasi Pusat Da'wah Islamiah (Rajah 02)<sup>39</sup> sebagai Pusat Pentadbiran Islam dari segi Dakwah di Negara Brunei Darussalam secara umumnya.

Rajah 02

Sumber Laporan Tahunan Kementerian Hal Ehwal  
Ugama 1986-1995



Pentadbiran harian Pusat Da'wah Islamiah dikawal oleh seorang Pengarah yang bertanggungjawab secara langsung kepada Setiausaha Tetap untuk menjalankan kerja-kerja dan kegiatan-kegiatan pusat ini. Pengarah dibantu oleh seorang Penolong Pengarah, beberapa orang pegawai kanan, pegawai-pegawai, kakitangan dan lain-lain kategori tenaga yang diperlukan.

Pusat ini juga mempunyai sebuah Lembaga Penasihat yang mengandungi seorang Pengurus, seorang Setiausaha dan 14 ahli. Lembaga ini akan menasihati pusat ini dalam rancangan dan perancangan ilmiahnya.

#### **Struktur Organisasi Pusat Da'wah Islamiah sebagai Pusat Pentadbiran Islam Brunei dalam Dakwah**

Berikut merupakan struktur organisasi Pusat Da'wah Islamiah bagi tahun 1985:

Pada permulaan penubuhan Pusat Da'wah Islamiah pada tahun 1985, hanya terdapat 8 bahagian besar seperti yang tercatat dalam Rajah 03 dibawah.

37 Laporan Tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam 1986-1995. (1998). Bandar Seri Begawan: Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hlm: 115.


38 [Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Pembukaan Rasmi Pusat Da'wah Islamiah pada 1 Muharram 1406H bersamaan dengan 16 September 1985M.]

39 Laporan Tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama 1986-1995. (1998). Hlm: 116.

Sebahagian daripada bahagian-bahagian tersebut ada terdapat dibawahnya Unit-unit yang tersendiri.

Rajah 03

Sumber Laporan Tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama 1986-1995



## Penutup

Pentadbiran Islam dari segi dakwah ternyata telah diberi penekanan dan diambil berat oleh Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien. Ini terbukti dengan tertubuhnya Majlis Mesyuarat Syari'ah pada tahun 1950, kemudian perletakkan pentadbiran Islam dari segi dakwah di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama; Jabatan Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1954, Badan Penerangan Ugama Islam pada 10 Januari 1958, Unit Khas Gerakan Dakwah pada tahun 1979, Bahagian Dakwah dan Tabligh pada tahun 1981 dan Pusat Da'wah Islamiah pada tahun 1985 di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Penubuhan Pusat Da'wah Islamiah merupakan salah satu usaha penting untuk menyebarkan kefahaman Islam kepada seluruh rakyat dan penduduk di Brunei selaras dengan kedudukannya sebagai agama rasmi negara. Sejak penubuhannya, Pusat Da'wah Islamiah telah berusaha memainkan peranannya dengan berkesan, bukan setakat pengukuhan ajaran Islam kepada yang sudah beragama Islam, bahkan termasuk juga penyebaran agama Islam kepada golongan-golongan yang belum beragama Islam. Ajaran ugama Islam terus berkembang khususnya setelah penubuhan Pusat Da'wah Islamiah sebagai sebuah pusat khas bagi menjalankan pentadbiran Islam dari segi dakwah. Dalam membimbing saudara-saudara baru ini memperdalam ajaran-ajaran Islam, Pusat Da'wah Islamiah sebagai sebuah pusat khas bagi menjalankan pentadbiran Islam dari segi dakwah giat mengadakan kelas-kelas bimbingan dan kursus asas seperti Bimbingan Asas Saudara-saudara Baru dan lain-lain bimbingan yang difikirkan penting untuk mereka supaya tidak terpengaruh dengan ajaran-ajaran yang menyesatkan. Kelas bimbingan yang dibuat bukan

sahaja untuk saudara-saudara baru, malahan juga diadakan untuk kalangan masyarakat yang berugama Islam demi menguatkan dan memantapkan lagi pengetahuan berugama mereka. Usaha penyebaran dakwah melalui media massa dan juga media cetak, begitu juga usaha dan kegiatan yang diungkayahkan oleh bahagian-bahagian dan unit-unit di bawah Pusat Da'wah Islamiah ini samada di dalam daerah mahupun di luar daerah telah mendapat sambutan yang menggalakkan serta mendapat sokongan dan penerimaan yang baik samada dari umat Islam sendiri mahupun yang belum berugama Islam.

Sebagai kesimpulan, dengan penubuhan-penubuhan majlis, jabatan, badan, bahagian, unit dan akhirnya berkembang menjadi sebuah pusat seperti yang dijelaskan diatas, terbuktilah bahawa kerajaan Brunei sememangnya mengambil berat dalam aspek dakwah. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memastikan pentadbiran dalam aspek dakwah sentiasa berjalan dengan baik, kemas dan teratur dari masa ke semasa. Usaha penubuhan-penubuhan majlis, jabatan, badan, bahagian, unit dan pusat telah membawakan hasil yang positif di mana jumlah saudara-saudara baru yang memeluk ugama Islam dari setahun ke setahun telah semakin bertambah terutamanya dalam kalangan penduduk di kampung-kampung pedalaman yang telah yakin akan kebaikan ugama Islam. Pengislaman orang-orang yang bukan Islam ini adalah dilakukan dengan niat ikhlas dan jujur atas kerelaan hati mereka sendiri dan bukannya dipaksa malahan ugama Islam sendiri bukanlah ugama paksaan. Selain itu, sistem pentadbiran dalam aspek dakwah juga semakin rapi di mana penambahan anggota, kakitangan dan pegawai telah semakin meningkat demi untuk memastikan setiap tanggungjawab, peranan dan pengurusan yang terdapat di dalam pentadbiran dipenuhi dan dipegang oleh mereka yang berkelayakan, dalam usaha untuk membina satu pentadbiran yang cemerlang.

## Bibliografi

*Al-Quran al-Karim*

Penyata Sekolah-sekolah Ugama Kerajaan Brunei bagi tahun 1956 – 1957 – 1958. (15 Mac 1959). Penyata Pertama: Brunei.

Penyata Sekolah-sekolah Ugama Kerajaan Brunei bagi tahun 1962. (1962). Pejabat Pelajaran Agama Brunei: Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei.

- Penyata Sekolah-sekolah Ugama Kerajaan Brunei bagi tahun 1963. (1963). Pejabat Pelajaran Agama Brunei: Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei.
- Penyata Sekolah-sekolah Ugama Kerajaan Brunei bagi tahun 1965. (12 April 1966). Pejabat Pelajaran Agama Brunei: Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei.
- Penyata Sekolah-sekolah Ugama Kerajaan Brunei bagi tahun 1966. (23 November 1967). Pejabat Pelajaran Agama Negeri Brunei: Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei.
- Penyata Sekolah- Penyata Sekolah-sekolah Ugama Kerajaan Brunei bagi tahun 1967. (1967). Pejabat Pelajaran Agama Brunei: Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei.
- Penyata Sekolah-sekolah Ugama Kerajaan Brunei bagi tahun 1968 – 1969 – 1970. (08 Mac 1972). Bahagian Pelajaran: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Penyata Sekolah-sekolah Ugama Kerajaan Brunei bagi tahun 1971. (01 Julai 1972). Bahagian Pelajaran: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Penyata Pelajaran Ugama Negeri Brunei bagi tahun 1972. (28 Jun 1973). Bahagian Pelajaran: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Penyata Pelajaran Ugama Negeri Brunei bagi tahun 1973. (19 Ogos 1974). Bahagian Pelajaran: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Penyata Pelajaran Ugama Negeri Brunei bagi tahun 1974. (14 Oktober 1975). Bahagian Pelajaran: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Penyata Pelajaran Ugama Negeri Brunei bagi tahun 1975. (01 Mei 1977). Bahagian Pelajaran: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Penyata Pelajaran Ugama Negeri Brunei bagi tahun 1976. (22 Jun 1978). Bahagian Pelajaran: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Penyata Pelajaran Ugama Negeri Brunei bagi tahun 1977 – 1978. (21 Februari 1980). Bahagian Pelajaran: Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Penyata Tahunan 1976 Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (Julai 1977). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Penyata Tahunan 1977 Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (Ogos 1978). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Penyata Tahunan 1978 Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (Ogos 1979). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Penyata Tahunan 1979 Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (Julai 1980). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Penyata Tahunan 1980 Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (Ogos 1981). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Penyata Tahunan 1981 Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (Ogos 1982). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Penyata Tahunan 1982 Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (Jun 1983). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Penyata Tahunan 1983 Jabatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam. (Jun 1984). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam 1984. (September 1985). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam 1985. (September 1986). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.

## Buku

- Al-Bustaniy Karam. (1973). Al-Munjid, Beirut: Dar al-Masyriq.
- Al-Buraey, Muhammad. (1984). Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001Al-Ansari, Ma'alim al-Da'wah, Kaherah: Dar al-Tiba'ah al-Muhammadiah.
- Al-Buraey, Muhammad. (2001). Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abd Mumin Abd Ghani. (2006). Dimensi Pengurusan Islam: Mengurus Kerja dan Mengurus Mohdal Insan. Akademi Pengajian Islam:Universiti Malaya.
- Al-Razi, Muhammad bin Abi Bakr bin Abd al-Qadir. (1982). Mukhtar al-Sihah, Beirut: Dar al-Fikr.
- Asiyah Azzahra Ahmad Kumpoh. (2011). "Islamic Da'wah in Brunei: Past Developments, Challenge and Future Prospects". Jurnal Darussalam (No. 11). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.
- Abdul Salam bin Abdul Razak, Abdul Jalil Haji Noor dan Abdul Latif bin Haji Hashim. (1965)."Penerangan Ugama Islam kepada Orang Ramai". Majalah Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Bil 15.
- Jabatan Hal Ehwal Ugama 1954-1979. (1981). Bandar Seri Begawan: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Hughes-Hallet, H.R. (1981). A Sketch of the History of Brunei, Brunei Muzeum Journal, Vol.5 (1).
- Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam. (1991). Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.
- Kemaluddin. (1965). Takwim Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei 1384H/1965M, Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama.
- Mas'ud Jubran. (1986). Al-Ra'id. (Jilid 1). Beirut: Dar al-Ilmu li-Malayin.
- Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman. (2011). Islam di Brunei Darussalam di Zaman British (1774-1984). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Mohd. Amin bin Haji Abdul Rahim. (2012). Perkembangan Dakwah di Negara Brunei Darussalam. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie bin Haji Mohd Salleh dan Mohd Affandi Hassan. (1994). Kecemerlangan Pentadbiran: Dasar dan Amalan Dalam Islam. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Zaidan, Abd al-Karim. (1976). Usul al-Da'wah, Baghdad: Dar al-Bayan, 1976.
- 50 Tahun Dalam Ristaan; Perkhidamatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam 1959-2009. (2012). Bandar Seri Begawan: Kementerian Hal Ehwal Ugama.

### **Majalah, Risalah Dan Akhbar**

Majalah al-Huda 54. (1983). Bandar Seri Begawan: Jabatan Hal Ehwal Agama.

Majalah Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (1965). Brunei: Jabatan Hal Ehwal Ugama. Bil 15.

Pelita Brunei. "Komited Kembangkan Syiar Islam". (Penulis: Hezlinawati Haji Abdul Karim) 27 Mei 2015.

Sinaran Suci. (01 Februari 1969M/13 Zulkaedah 1334H). Brunei: Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama.

### **Kertas Kerja Dan Jurnal**

Mohd Jamil Al-Sufri. (1983). Riwayat Hidup Pengarang Syair Rakis, Pengiran Shahbandar Md. Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda, Syair Rakis: 3-13. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

Ummi Fa'izah Hj Abdul Rahman. (2019). "Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam - Sorotan Sejarah". Journal of Islamic: Social, Economics and Development (JISED), Volume: 4 Issues: 19.

### **Sumbar Dari Atas Talian**

Kelas Dewasa Ugama  
<http://www.kheu.gov.bn/Lists/PendidikanIslam/DispForm.aspx?ID=4>

